Permintaan terhadap penggunaan konkrit dalam industri pembinaan yang berkembang pesat memperlihatkan keperluan kepada pelbagai jenis dan sifat konkrit bagi memenuhi pelbagai keperluan penggunaannya. Keadaan ini menjadikan industri konkrit sering kali menghasilkan pelbagai produk baru. Produk baru ini meliputi proses inovasi kepada penggunaan bahan-bahan mentah yang baru atau tambahan, kaedah pengeluaran dan penggunaan bahan-bahan kimia dalam campuran konkrit, menghasilkan konkrit yang

lebih ekonomik dan mempelbagaikan produk konkrit. Antara proses inovasi konkrit yang menarik adalah penghasilan konkrit ringan yang berketumpatan rendah.

Secara umumnya konkrit biasa disediakan dengan ketumpatan antara 2240 kg/m^3 hingga 2400 kg/m^3 (Short dan Kinniburgh, 1978). Konkrit biasa ini mempunyai sifat-sifat kekurangannya yang tersendiri, antaranya ketumpatan konkrit yang tinggi menjadikan konkrit tersebut berat dan meningkatkan beban mati struktur konkrit itu sendiri. Konkrit biasa juga sukar disediakan terutama untuk proses pemadatan yang memerlukan peralatan khas pemadatan. Selepas konkrit biasa mengeras ianya menjadi satu struktur konkrit yang sukar untuk dipotong dan dipaku kecuali menggunakan peralatan yang tertentu dan istimewa. Banyak rungutan yang mengatakan konkrit biasa bersifat sejuk dan berair. Oleh itu inovasi penghasilan konkrit berketumpatan rendah telah menambahkan lagi produk konkrit dan memberi lebih pilihan kepada penggunaan konkrit itu sendiri.

Konkrit berketumpatan rendah mempunyai beberapa ciri istimewa sebagai bahan binaan. Antara ciri yang paling penting adalah sifatnya yang ringan. Dengan ketumpatan rendah menjadikan konkrit ini lebih ringan berbanding konkrit biasa. Dalam industri pembinaan faktor berat diri atau beban mati merupakan antara faktor utama beban struktur paling besar terpaksa ditanggung. Oleh itu pengurangan ketumpatan konkrit akan mengurangkan berat konkrit dan mengurangkan berat keseluruhan struktur binaan. Pengurangan beban mati struktur konkrit yang rendah membolehkan rekabentuk kebanyakan elemen-elemen binaan sehingga ke asas binaan yang lebih kecil. Manakala penggunaan konkrit ringan pada binaan dinding membolehkan rekabentuk kerangka struktur dan asas bangunan yang

lebih kecil. Tambahan lagi penggunaan konkrit ringan hanya memerlukan acuan menahan kerja konkrit yang tekanannya lebih rendah. Keadaan ini disebabkan jumlah berat konkrit yang ditanggung adalah kurang berbanding konkrit biasa. Semua kelebihan-kelebihan ini akan dapat mempercepat proses pembinaan dan meningkatkan kadar pengeluaran terutama industri perumahan.

Sejarah awal penggunaan konkrit ringan dalam industri pembinaan telah bermula seawal tahun 1920an lagi di Amerika Syarikat. Ianya telah digunakan dalam pembinaan perumahan secara menyeluruh termasuklah dinding dan komponen struktur bangunan terutama tiang dan rasuk, blok-blok konkrit dan dinding penahan haba. Sejarah penggunaan konkrit ringan berketumpatan rendah dalam pembinaan perumahan telah menghasilkan banyak kebaikan. Antara kebaikannya adalah dapat mengurangkan beban mati rumah, rumah dapat dibina lebih cepat dan kos pengangkutan bahan yang lebih rendah. Konkrit ringan ini juga merupakan bahan penebat yang baik, iaitu penebat haba, bunyi dan kebakaran yang jauh lebih baik berbanding konkrit biasa yang juga sudah baik sifatnya berbanding bahan binaan lain. Perkembangan semasa teknologi konkrit ringan memperlihatkan penggunaan konkrit ringan boleh digunakan pada hampir keseluruhan binaan perumahan. Ini termasuklah penggunaan dalam binaan struktur konkrit ringan bertetulang, bumbung dan lantai tanggung beban.

Konkrit ringan pada permulaannya telah didefinisikan sebagai konkrit yang dihasilkan menggunakan agregat ringan bagi menggantikan agregat biasa. Perkembangan teknologi konkrit ringan telah berjaya menghasilkan konkrit ringan tanpa menggunakan agregat,

iaitu dengan menggunakan bahan kimia untuk menghasilkan busa stabil dalam konkrit atau mortar. Oleh itu definasi konkrit ringan didapati selalu berubah-ubah selaras dengan perubahan penggunaan bahan dan kaedah penghasilan konkrit ringan itu sendiri. Seterusnya penggunaan tetulang besi dalam menghasilkan struktur konkrit ringan maka tahap ketumpatan telah diubahsuai, di mana ketumpatan konkrit ringan telah ditingkatkan kepada 1840 kg/m^3 dan lebih. Keadaan ini masih lagi ringan berbanding konkrit biasa yang berketumpatan sekitar 2400 kg/m^3 . Mengikut *Draft International Standard Model Code for Concrete Construction (1977)*, telah mengklasifikasikan konkrit ringan mempunyai ketumpatan antara 1200 kg/m^3 hingga 2000 kg/m^3 . Walau bagaimanapun penggunaan busa dalam konkrit ringan menjadikan konkrit ringan boleh disediakan dengan ketumpatan serendah 300 kg/m^3 .

Konkrit menjadi ringan disebabkan oleh kandungan udara yang terdapat di dalam konkrit. Semakin banyak kandungan udara menjadikan ketumpatan konkrit semakin rendah dan semakin ringan. Oleh itu, konkrit ringan dihasilkan dengan memasukkan udara ke dalam konkrit. Ianya boleh dilakukan dengan tiga kaedah utama, iaitu :-

- i. menggunakan agregat ringan sebagai pengganti agregat biasa yang berat, atau;
- ii. menggunakan agregat kasar sahaja tanpa agregat halus menjadikan binaan konkrit berongga, atau;
- iii. menggunakan buih busa stabil dalam campuran konkrit bagi membentuk ruang udara dalam konkrit.

Sifat agregat ringan yang berongga dan tidak padat digunakan untuk menghasilkan konkrit ringan. Agregat ringan ini boleh terdiri daripada bahan-bahan asli berasaskan lava gunung berapi seperti pumis dan skolia, atau bahan asli yang diproses seperti tanah liat dan syal berkembang atau bahan-bahan terbang yang diproses seperti abu terbang dan gangga besi. Penggunaan agregat ringan dalam menghasilkan konkrit ringan berasaskan bahan mentah yang terdapat pada persekitarannya. Penggunaan bahan lava gunung berapi hanya di kawasan yang terdapat gunung berapi sahaja. Manakala bahan-bahan yang diproses memerlukan sumber bahan mentah dan proses pengembangan sebelum ianya dapat digunakan. Penggunaan konkrit ringan berasaskan bahan kimia seperti konkrit ringan berbuisa menggunakan bahan kimia.

Semenjak tahun 1920an penggunaan pelbagai bahan busa stabil yang dimasukkan ke dalam konkrit mengambil alih tempat agregat. Busa stabil ini akan memenuhi ruang konkrit seumpama agregat dalam konkrit. Busa ini perlu terus stabil semasa konkrit segar sehingga keras untuk membentuk satu lapisan permukaan udara yang kuat. Ini membentuk konkrit berudara ataupun berselular. Sekarang terdapat pelbagai jenis agen pembuisan untuk dimasukkan ke dalam konkrit bagi membentuk konkrit ringan berbuisa.

Asas penyediaan konkrit ringan berbuisa menggunakan campuran agregat halus biasa, samada pasir atau batu kisar halus, agregat ringan halus ataupun tanpa agregat. Penggunaan bahan tambah seperti bahan pemplastik dapat mengurangkan nisbah air-simen dan seterusnya dapat mempertingkatkan kekuatan konkrit. Penggunaan bahan-bahan tambah lain juga seperti abu terbang, silika dan serat akan membentuk konkrit

ringan berbusa yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang berbeza dari aspek sifat, kekuatan dan ketahanan. Apa yang penting, penggunaan konkrit ringan berbusa dalam industri pembinaan memberi lebih pilihan konkrit kepada semua pihak yang terlibat dalam industri pembinaan seperti akitek, perunding bahan binaan, jurutera dan kontraktor.

Sebagai bahan binaan yang belum biasa dan agak jarang digunakan, maka konkrit ringan berbusa perlu memastikan keistimewaannya untuk digunakan dan ditentukan tempatnya dalam industri pembinaan. Ini meliputi data kajian bahan, kesan alam sekitar juga pandangan pekerja binaan dan bahan-bahan binaan sedia ada. Kajian yang berterusan akan menghasilkan konkrit ringan berbusa yang dapat memenuhi semua keperluan ini. Penggunaan konkrit ringan berbusa dapat mengurangkan kesan alam sekitar dari aspek penggunaan bahan binaan. Penggunaan kayu secara meluas dalam pembinaan bangunan dan rumah sebelum ini telah banyak merosakkan alam sekitar serta mengurangkan kayu untuk generasi masa hadapan. Kayu sepatutnya digunakan untuk tujuan dekoratif sahaja berbanding sebagai bahan struktur. Besi sepatutnya hanya digunakan dalam konkrit untuk meningkatkan kekuatan regangan berbanding digunakan sebagai bahan struktur. Penggunaan besi yang terhad ini dapat mengurangkan kerja perlombongan dan seterusnya meningkatkan kualiti alam sekitar.

Mengambil kira semua kebaikan penggunaan konkrit ringan berbusa dalam industri pembinaan maka pembangunan konkrit ini perlu diperluaskan dan dipertingkatkan untuk memaksimumkan penggunaannya. Hasilnya adalah bangunan-bangunan yang terdiri daripada bahan-bahan yang sesuai digunakan dan mudah diselenggarakan. Pemahaman

masyarakat dalam menggunakan bahan binaan baru dan sokongan dari kesatuan dalam pembinaan serta sokongan kuat kerajaan akan dapat merealisasikan penggunaan bahan-bahan binaan yang sesuai dengan tempatnya.

Umum membicarakan bahawa penyediaan konkrit ringan lebih mahal berbanding dengan konkrit biasa disamping bancuhan, pengelolaan serta penempatan yang memerlukan lebih penjagaan dan perhatian berbanding konkrit biasa. Walau bagaimanapun bagi kebanyakan tujuan, kebaikan menggunakan konkrit ringan lebih utama daripada kos penyediaan. Banyak kajian mendapati secara perbandingan keseluruhannya penggunaan konkrit ringan didapati lebih murah berbanding konkrit biasa. Malah minat telah bertambah menggunakan lebih banyak konkrit ringan dan ke arah penggunaan baru termasuk konkrit prategasan, bangunan pencakar langit serta bumbung berkelompok. Pembinaan perumahan pada masa hadapan memperlihatkan keperluan untuk menggunakan konkrit ringan disebabkan sifat-sifat istimewanya. Hasil dari penggunaan konkrit ringan dalam pembinaan perumahan di banyak negara telah memperlihatkan sifat-sifat istimewa konkrit ringan berbanding dengan penggunaan konkrit biasa.

Pada masa sekarang penggunaan konkrit tidak terhad kepada pembinaan struktur sahaja, tetapi penyelidik telah berjaya mencipta panel-panel dinding daripada bahan konkrit. Penggunaan panel ini dapat menggantikan penggunaan batu-bata dan bahan binaan lain. Walaupun penggunaan konkrit agak meluas, tetapi konkrit merupakan bahan yang berat, maka kos pengendalian memerlukan jentera yang berkuasa tinggi dan ramai pekerja. Penemuan terhadap konkrit yang lebih ringan daripada konkrit biasa dan dikenali sebagai

konkrit ringan telah memperkembangkan lagi penggunaan konkrit dalam elemen-elemen bangunan seperti panel-panel selain struktur. Negara maju telah berjaya menggunakan konkrit ringan untuk pelbagai elemen bangunan antaranya kekubah daripada konkrit. Memandangkan salah satu komposisi yang mempengaruhi kekuatan konkrit adalah bahan campurannya, maka kajian terhadap bahan-bahan ini perlu dipertingkatkan bagi menghasilkan konkrit ringan yang dapat memenuhi penggunaannya. Pada masa kini, untuk konkrit ringan, terutama blok-blok konkrit, kekuatan sama ada tegangan atau mampatan berkadar terus dengan ketumpatan. Ini bermakna semakin ringan konkrit tersebut kekuatan juga akan berkurangan. Keadaan ini akan memaksa pembina membuat pilihan sama ada konkrit bersifat ringan atau kuat. Konkrit ringan yang agak terkenal di negara kita dibuat dengan menggunakan campuran busa.

Kajian untuk menghasilkan produk konkrit yang memenuhi keperluan pengguna perlu diteruskan dan dipertingkatkan. Tumpuan perlu diberikan terhadap penggunaan pelbagai bahan-bahan mentah untuk menghasilkan konkrit ringan berbusa yang mempunyai ciri-ciri kekuatan dan ketahanan yang lebih baik disamping ciri-ciri penebat yang baik. Dalam usaha untuk menjaga alam sekitar dan mengurangkan penggunaan bahan mentah sumber asli, maka penggunaan bahan lebihan dan sisa industri perlu dipertingkatkan. Oleh itu kajian ini menggunakan agregat halus dari batu kuari terkilang untuk menghasilkan konkrit ringan berbusa. Agregat halus batu kuari terkilang merupakan agregat lebihan yang dihasilkan dari proses penghancuran dan penggredan agregat. Ianya jarang digunakan dan harganya adalah lebih rendah berbanding pasir halus (Ramli, 1995). Mengikut Persatuan Simen Portland (1975), sebagai bahan binaan dalam dunia

perniagaan hari ini, konkrit dan produk konkrit boleh disediakan mengikut peraturan dan rekabentuk baru. Bahan baru boleh disediakan dalam pelbagai saiz, bentuk, warna dan tekstur untuk penggunaan istimewa yang terlampau ringan sehingga terlalu padat untuk logi riadiasi. Ini menjadikan konkrit bahan binaan yang sedia digunakan dalam pelbagai keadaan dan menjadikan pilihan pengguna.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian Ijazah Doktor Falsafah ini adalah untuk mengkaji sifat kekuatan dan ketahanan konkrit ringan berbusa yang digunakan dalam industri pembinaan. Berdasarkan kajian literatur, konkrit ringan berbusa didapati memenuhi kriteria-kriteria sebagai bahan binaan untuk digunakan dalam industri pembinaan. Walau bagaimanapun pembangunan konkrit ringan berbusa memerlukan kajian dan ujian makmal untuk menilai dan menghasilkan konkrit yang berketumpatan rendah dengan mempunyai ciri-ciri kekuatan dan ketahanan yang sesuai untuk digunakan dalam pelbagai penggunaan pembinaan.

Maklumat utama kajian adalah untuk menilai suatu rekabentuk campuran konkrit ringan berbusa yang mempunyai tahap kekuatan dan ketahanan yang tinggi. Oleh itu tumpuan rekabentuk campuran adalah untuk menghasilkan konkrit ringan berbusa yang boleh digunakan sebagai bahan struktur. Rekabentuk campuran ketumpatan yang dipilih adalah antara 1200 kg/m^3 hingga 2000 kg/m^3 . Ini adalah selaras dengan tahap ketumpatan maksima konkrit ringan adalah 2000 kg/m^3 berbanding ketumpatan konkrit biasa sekitar 2400 kg/m^3 . Manakala konkrit ringan berbusa yang dihasilkan kurang daripada 1000

kg/m³ biasa digunakan sebagai bahan penebat. Ini juga selaras dengan *Draft International Standard Model Code for Concrete Construction* (1977), yang telah mengklasifikasikan konkrit ringan mempunyai ketumpatan antara 1200 kg/m³ hingga 2000 kg/m³.

Maklumat kedua kajian adalah untuk menghasilkan konkrit ringan berbuisa menggunakan bahan-bahan mentah lebih atau buangan industri. Oleh yang demikian, keseluruhan kajian makmal menggunakan bahan mentah agregat halus terkilang dari kuari. Proses memecah dan mengisar agregat di kuari akan menghasilkan pelbagai saiz agregat. Biasanya pihak kuari akan memberi tumpuan untuk menghasilkan dan menggredkan agregat kasar. Oleh itu hasil sampingannya adalah agregat halus terkilang (Ramli, 1995). Agregat ini merupakan hasil sampingan dan ianya dijual sebagai bahan sampingan pada harga yang lebih murah berbanding dengan pasir.

Maklumat ketiga kajian adalah untuk menilai ciri-ciri kekuatan dan ketahanan konkrit ringan berbuisa melalui pendedahan kepada pelbagai persekitaran penggunaannya. Kajian memilih untuk melakukan tiga kaedah pengawetan yang berbeza, iaitu pengawetan udara, air biasa dan persekitaran agresif, larutan air garam sebagai perbandingan. Hasil ujian terhadap spesimen-spesimen yang melalui proses pengawetan yang berbeza ini akan memberi nilai terhadap ciri-ciri kekuatan dan ketahanan untuk rekabentuk ketumpatan sasaran konkrit ringan berbuisa yang berbeza.

Matlamat keempat kajian adalah untuk menghasilkan konkrit ringan berbuisa yang akan digunakan sebagai elemen struktur. Penyediaan panel-panel struktur dan rekabentuk

panel struktur konkrit ringan berbusa tanpa tetulang dan bertetulang. Rekabentuk tetulang pelbagai lapis bagi mengkaji prestasi penggunaan tetulang dalam konkrit ringan berbusa. Pengawetan panel struktur dalam tiga medium berbeza, iaitu udara, air biasa dan air garam melengkapkan kajian terhadap ketahanan struktur konkrit ringan berbusa dalam pelbagai persekitaran.

Secara terperinci objektif penyelidikan ini adalah seperti berikut :-

1. Membangunkan rekabentuk campuran konkrit ringan berbusa dengan penggunaan agregat halus terkilang lebihan industri bagi menghasilkan konkrit ringan berbusa yang mempunyai sifat kekuatan dan ketahanan sebagai bahan struktur dalam industri pembinaan.
2. Menjalankan ujian dan penilaian terhadap sifat-sifat kejuruteraan bahan yang meliputi ujian kekuatan dan ketahanan konkrit ringan berbusa dengan pendedahan pengawetan berbeza, iaitu udara, air biasa dan air garam sehingga tempoh ujian.
3. Menjalankan ujian dan penilaian prestasi konkrit ringan berbusa sebagai bahan struktur melalui ujian ketahanan terhadap bebanan panel struktur bertetulang dan tanpa tetulang dengan pendedahan pengawetan berbeza, iaitu udara, air biasa dan air garam sehingga tempoh ujian.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian ini memberi tumpuan terhadap pembangunan konkrit ringan berbuisa untuk digunakan sebagai bahan binaan dan bahan struktur dalam industri pembinaan. Pemilihan bahan-bahan mentah lebih industri yang mudah didapati di pasaran bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan bahan tersebut. Ianya juga bertujuan untuk menilai kemampuan dan prestasi konkrit ringan berbuisa terhadap sifat-sifat kejuruteraan bahan, iaitu sifat kekuatan dan ketahanan yang akan dihasilkan. Kajian juga memberi tumpuan terhadap menghasilkan rekabentuk campuran konkrit ringan berbuisa yang paling sesuai melalui beberapa siri rekabentuk campuran dan ujian percubaan makmal. Rekabentuk campuran ini memberi tumpuan dan penekanan terhadap sifat-sifat busa, nisbah simen-agregat, nisbah air-simen dan penggunaan bahan tambah untuk menghasilkan konkrit ringan berbuisa yang sesuai dengan fungsinya sebagai bahan binaan. Kaedah pengawetan dalam tiga medium berbeza, iaitu udara, air biasa dan persekitaran agresif, air garam merupakan kemuncak kepada ujian dan penilaian konkrit ringan berbuisa yang dihasilkan.

1.4 Metodologi Kajian

Metodologi kajian melibatkan kajian literatur, lima bahagian ujian makmal konkrit dan analisis keputusan ujian. Kajian literatur merupakan peringkat kajian awal yang penting untuk mengenal pasti sejarah dan penggunaan konkrit ringan berbuisa dalam industri pembinaan. Penekanan kajian ini adalah untuk mengkaji dan menilai dari semua aspek terutama sifat-sifat kejuruteraan bahan tentang penggunaan konkrit ringan terutama konkrit ringan berbuisa dalam industri pembinaan.

Lima bahagian ujian makmal konkrit merupakan kajian eksperimen yang dijalankan di makmal. Kajian ini meliputi ujian bahan-bahan mentah, ujian konkrit ringan berbuisa segar, ujian sifat kekuatan konkrit ringan berbuisa keras, ujian sifat ketahanan konkrit ringan berbuisa keras dan akhirnya ujian panel struktur konkrit ringan berbuisa. Kajian awal merupakan peringkat pemilihan dan pengujian bahan-bahan mentah yang akan digunakan dalam eksperimen. Antara ujian yang dijalankan ialah ujian bahan busa, iaitu ujian ketumpatan busa, ujian simen, iaitu ujian masa pengerasan simen, ujian agregat, iaitu ujian analisis ayak dan ujian ketumpatan serta penyerapan air dan ujian tetulang, iaitu ujian kekuatan tetulang jejaring terkimpal.

Kajian seterusnya adalah rekabentuk campuran konkrit ringan berbuisa bagi menentukan rekabentuk campuran yang paling sesuai untuk kajian makmal. Kajian dimulakan dengan siri rekabentuk campuran percubaan dan penyediaan spesimen percubaan. Keputusan daripada ujian percubaan ini telah digunakan dalam pemilihan rekabentuk campuran konkrit ringan berbuisa untuk kajian makmal penyelidikan. Kajian penyelidikan bermula dengan membuat kajian terhadap sifat-sifat konkrit ringan berbuisa segar yang meliputi ujian penurunan dan ketumpatan. Kajian diteruskan dengan kajian terhadap konkrit keras yang bertujuan untuk menilai sifat-sifat kekuatan dan ketahanan konkrit ringan berbuisa. Kajian ini meliputi penyediaan spesimen konkrit ringan berbuisa yang diawet dalam tiga kaedah pengawetan berbeza, iaitu udara, air biasa dan pendedahan agresif, air garam untuk tempoh pengawetan maksima, iaitu 365 hari. Penilaian ujian yang dijalankan terhadap spesimen kiub dan prisma konkrit ringan berbuisa keras adalah, ujian

ketumpatan, kekuatan mampat, kekuatan lentur, halaju denyut ultrasonik, modulus kekenyalan, pengkarbonatan, resapan air, kehilangan berat dan ketelapan oksigen.

Peringkat akhir kajian makmal adalah pemilihan dan penyediaan panel struktur konkrit ringan berbuis rekabentuk ketumpatan sasaran tinggi. Kajian ini bertujuan untuk menilai prestasi kekuatan dan ketahanan konkrit ringan berbuis apabila menerima bebanan. Panel struktur disediakan tanpa tetulang dan siri beberapa lapis tetulang. Proses pengawetan dijalankan sebagaimana ujian konkrit ringan berbuis keras, iaitu udara, air biasa dan pendedahan agresif, air garam. Ujian kaedah bebanan menggunakan bebanan empat titik dan parameter ujian yang dijalankan adalah untuk penilaian tahap bebanan, nilai pesongan yang terhasil, nilai bebanan rekahan pertama, nilai bebanan muktamad, lebar, jarak dan bilangan rekahan yang terhasil.

Semua kaedah ujian yang dijalankan dalam kajian makmal adalah berdasarkan spesifikasi dan peraturan yang ditetapkan dalam piawaian Malaysia (MS), British (BS) dan Amerika (ASTM).

1.5 Susunan Bab

Tesis ini mengandungi 7 bab yang membincangkan secara terperinci urutan penyelidikan yang dijalankan. Rekabentuk susunan bab disediakan untuk membicarakan secara teliti dan jelas bahagian-bahagian utama dan penting bagi mencapai objektif penyelidikan.

Secara amnya, intipati setiap bab adalah seperti berikut :-

Bab 1, perbincangan tentang pengenalan am terhadap penyelidikan, objektif, skop dan metodologi penyelidikan yang akan dijalankan serta susunan bab tesis.

Bab 2, perbincangan tentang kajian literatur. Kajian dijalankan secara menyeluruh bermula dari sejarah konkrit ringan dan konkrit ringan berbuisa yang telah digunakan dalam industri pembinaan. Bab ini juga memberi tumpuan secara am tentang proses penyediaan dan penggunaan konkrit ringan secara umum. Tumpuan khusus kajian adalah kepada kaedah penyediaan dan penggunaan konkrit ringan berbuisa sebagai bahan konkrit dan bahan struktur konkrit. Kajian juga meliputi proses penilaian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi sifat-sifat kejuruteraan konkrit ringan berbuisa serta aktiviti-aktiviti pembangunan yang meliputi penyelidikan dan pembangunan konkrit ringan berbuisa dalam industri pembinaan.

Bab 3, perbincangan tentang metodologi kajian makmal konkrit ringan berbuisa. Kajian bermula dengan pemilihan dan ujian terhadap bahan-bahan mentah yang dipilih untuk digunakan dalam penyediaan konkrit ringan berbuisa. Perbincangan diteruskan dengan penyediaan rekabentuk campuran percubaan, penyediaan dan ujian spesimen percubaan. Perbincangan tentang keputusan penyelidikan percubaan telah menghasilkan keputusan penyelidikan makmal, yang meliputi rekabentuk campuran, kaedah pengawetan dan tempoh pengawetan. Perbincangan secara terperinci tentang peraturan dan standard penyelidikan kejuruteraan bahan yang dijalankan, iaitu ujian konkrit segar, ujian tentang sifat kekuatan konkrit keras, ujian tentang sifat ketahanan konkrit keras dan ujian panel struktur konkrit ringan berbuisa.

Bab 4, perbincangan tentang sifat kekuatan konkrit ringan berbusa keras. Perbincangan tentang sifat kekuatan konkrit ringan berbusa keras berasaskan keputusan ujian yang telah dijalankan terhadap semua spesimen. Perbincangan meliputi keputusan ujian kekuatan, meliputi kekuatan mampat dan kekuatan lentur, ujian sifat-sifat fizikal, meliputi ketumpatan, kekenyalan dan halaju denyut ultrasonik. Perbincangan juga meliputi analisis keputusan setiap ujian dan analisis perbandingan antara ujian-ujian yang telah dijalankan. Analisis ini bertujuan untuk menilai dan menyatakan kesimpulan tentang sifat kekuatan konkrit ringan berbusa penyelidikan.

Bab 5, perbincangan tentang sifat ketahanan pada konkrit ringan berbusa keras. Perbincangan berasaskan keputusan ujian yang telah dijalankan terhadap semua spesimen ujian berkaitan. Perbincangan ini meliputi keputusan ujian pengkarbonatan, resapan air, resapan oksigen dan kehilangan berat. Perbincangan juga meliputi analisis keputusan setiap ujian dan perbandingan antara ujian-ujian yang telah dijalankan. Analisis ini bertujuan untuk menilai dan menyatakan kesimpulan sifat ketahanan konkrit ringan berbusa penyelidikan.

Bab 6, perbincangan tentang ujian prestasi dan ketahanan panel struktur konkrit ringan berbusa sebagai bahan struktur. Perbincangan meliputi penerangan tentang kepentingan ujian, metodologi ujian dan jangkamasa ujian. Metodologi ujian meliputi pemilihan ketumpatan sasaran panel struktur, kaedah ujian, kaedah pengawetan dan kaedah ujian dijalankan. Penilaian ujian dijalankan terhadap nilai bebanan yang dikenakan dan nilai pesongan yang dihasilkan. Ujian ini meliputi nilai beban untuk rekahan pertama dan

beban muktamad serta lebar, jarak dan bilangan rekahan. Perbincangan diteruskan terhadap penilaian keputusan ujian yang dijalankan dan analisis perbandingan keputusan antara ujian. Analisis ini bertujuan untuk menilai tahap prestasi dan ketahanan panel struktur konkrit ringan berbusa serta menyatakan kesimpulan panel struktur konkrit ringan berbusa sebagai bahan struktur penyelidikan.

Bab 7, merupakan perbincangan peringkat akhir tentang kesimpulan secara keseluruhan hasil penyelidikan dan analisis yang dijalankan serta cadangan kajian-kajian lanjut.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Konkrit ringan berbuis merupakan sejenis konkrit ringan berketumpatan rendah. Konkrit ringan berbuis adalah bersifat ringan dan ketumpatannya kurang berbanding ketumpatan konkrit biasa. Mengikut Short dan Kinniburgh (1978), ketumpatan konkrit biasa adalah sekitar 2400 kg/m^3 dan dalam laporan beliau, konkrit biasa mempunyai julat ketumpatan antara 2240 kg/m^3 hingga 2400 kg/m^3 . Manakala Neville (1994) pula melaporkan, konkrit biasa berketumpatan antara 2200 kg/m^3 hingga 2600 kg/m^3 . Oleh itu konkrit biasa dikenali sebagai konkrit yang mempunyai ketumpatan tidak kurang daripada 2200 kg/m^3 dan tidak melebihi 2600 kg/m^3 .

Konkrit ringan berbuis boleh diklasifikasikan sebagai konkrit yang berketumpatan 2000 kg/m^3 dan kurang. Ini selaras dengan kenyataan oleh Komuniti Antarabangsa Eropah tentang konkrit (1977), dalam '*The Draft International Standard Model Code for Concrete Construction*' yang telah mengklasifikasikan konkrit ringan berketumpatan antara 1200 kg/m^3 hingga 2000 kg/m^3 . Klasifikasi ini dibuat berdasarkan konkrit ringan yang dihasilkan menggunakan agregat ringan. Klasifikasi ketumpatan ini dianggap tinggi pada masa kini kerana konkrit ringan boleh dihasilkan dengan ketumpatan serendah 300 kg/m^3 . Penggunaan bahan busa dalam campuran konkrit atau mortar boleh menghasilkan

ketumpatan serendah ini. Kandungan matriks konkrit ringan berbuisa mengandungi banyak rongga-rongga udara atau sel-sel ataupun lebih dikenali sebagai konkrit berselular. Kandungan rongga-rongga udara ini boleh mencapai 70 % daripada isipadu konkrit dan ianya bergantung kepada jumlah busa yang dicampurkan. Jones, et. al. (2005), melakarkan contoh kandungan matriks konkrit ringan berbuisa yang mengandungi ruang udara sekitar 20 % hingga 70 %. Penggunaan agregat halus yang paling baik kurang daripada 4 mm garis purat, nisbah air-simen antara 0.4 hingga 0.8 dan kandungan simen antara 300 kg/m^3 hingga 500 kg/m^3 , sebagaimana yang ditunjukkan pada Rajah 2.0.

<p style="text-align: center;">Udara (20 % – 70%)</p>
<p style="text-align: center;">Agregat Halus (paling baik < 4 mm)</p>
<p style="text-align: center;">Air (Nisbah air-simen = 0.4 – 0.8)</p>
<p style="text-align: center;">Simen (300 kg/m^3 – 500 kg/m^3)</p>

Rajah 2.0 : Contoh kandungan konkrit ringan berbuisa (Jones, et. al. 2005).

Konkrit biasa merupakan struktur komposit yang dihasilkan daripada campuran bahan asas; simen, agregat halus, agregat kasar dan air. Manakala konkrit ringan berbuisa menggunakan bahan campuran yang sama tanpa menggunakan agregat kasar dan ianya

lebih bersifat mortar. Untuk menjadi konkrit bersifat ringan, buih busa stabil dimasukkan ke dalam campuran mortar basah. Buih busa stabil memenuhi mortar seumpama agregat di dalam konkrit. Apabila konkrit ringan berbuisa keras, busa stabil membentuk banyak rongga-rongga udara atau sel-sel seumpama kek naik. Sel-sel yang mengandung udara inilah yang meringankan konkrit ringan berbuisa dan konkrit ini juga popular sebagai konkrit berselular. Semakin banyak buih busa dimasukkan ke dalam campuran konkrit semakin ringan konkrit ringan berbuisa yang dihasilkan.

Kehadiran konkrit ringan berbuisa dalam industri pembinaan telah mempelbagaikan lagi produk konkrit. Ketumpatan konkrit ringan berbuisa yang jauh lebih rendah dari konkrit biasa telah memberi lebih pilihan dan kebaikan kepada mereka yang terlibat dalam industri pembinaan. Arkitek, Jurutera dan pelbagai perunding dalam industri pembinaan perlu menggunakan kelebihan sifat ringan konkrit ringan berbuisa dalam rekabentuk mereka. Manakala kontraktor perlu menyesuaikan penggunaan konkrit ringan berbuisa dalam pembinaan supaya penggunaan konkrit ringan berbuisa boleh dimaksimakan. Kajian literatur mendapati konkrit ringan berbuisa telah digunakan secara meluas dalam kerja-kerja pembinaan bangunan dan juga kerja-kerja kejuruteraan awam terutama di negara-negara maju, seperti; Eropah, Rusia dan Amerika Syarikat.

Penggunaan konkrit ringan berbuisa pada peringkat awalnya lebih sebagai bahan binaan penebat haba. Negara-negara yang beriklim sejuk memerlukan elemen bangunan yang mampu menghalang aliran haba sejuk masuk ke dalam ruang bangunan. Maka konkrit ringan terutama konkrit ringan berbuisa merupakan pilihan mereka. Ianya digunakan

sebagai bahan penebat haba untuk mengurangkan penggunaan tenaga dalam memanaskan ruang bangunan. Penggunaan konkrit ringan berbuis dalam industri pembinaan terus berkembang melampaui sebagai bahan penebat haba. Ianya kemudian digunakan sebagai bahan binaan tanggung beban sendiri dan juga bahan struktur bertetulang. Kepelbagaian penggunaan ini telah mendorong ahli-ahli sains bahan dan teknologi bahan binaan mempertingkatkan penyelidikan. Penyelidikan perlu dijalankan secara berterusan bagi mempertingkatkan sifat-sifat konkrit ringan berbuis seumpama atau lebih baik dari konkrit biasa. Antara sifat penting adalah kekuatan dan ketahanan.

Kajian literatur konkrit ringan berbuis dalam industri pembinaan ini bermula dengan kajian umum tentang konkrit ringan. Perbincangan kemudiannya dilanjutkan dan dikembangkan dengan penumpuan khusus terhadap sifat-sifat konkrit ringan berbuis dan penggunaan konkrit ringan berbuis dalam industri pembinaan.

2.2 Sejarah Konkrit Ringan Dalam Industri Pembinaan

Sejarah penggunaan konkrit ringan dalam industri pembinaan telah lama bermula, walau bagaimanapun penggunaannya kurang popular pada peringkat awal dan mula popular beberapa tahun kebelakangan ini. Mengikut Short dan Kinniburgh (1978), konkrit ringan bukan bahan binaan yang baru dalam industri pembinaan. Sejarah mencatat permulaan konkrit ringan adalah penggunaan batu kelikir sebagai agregat ringan yang digunakan pada lewat kurun ke sembilan belas di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, England dan beberapa negara Eropah lainnya. Ini terbukti apabila kerja-kerja pembinaan

bangunan tambahan Musium British pada tahun 1097 penggunaan konkrit ringan daripada agregat ringan kelikir.

Sejarah juga menunjukkan bagaimana masyarakat Rom lama telah menggunakan konkrit ringan daripada agregat ringan pumis untuk membina kubah *The Pantheon* pada jarak garis pusat 44 m pada abad ke dua lagi yang kekal sehingga sekarang. Masyarakat Amerika Syarikat telah membina kapal pada perang dunia pertama menggunakan konkrit ringan daripada agregat ringan tanah liat terkembang dalam penyediaan dan pembinaan blok-blok konkrit untuk perumahan semenjak tahun 1920an lagi. Masyarakat England pula menggunakan sangga berbusa sebagai konkrit ringan pada pertengahan tahun 1930an. Malah England merupakan antara negara pengeluar agregat ringan ini dan menghasilkan blok-blok konkrit ringan berasaskan sangga berbusa ringan (Short dan Kinniburgh, 1978).

Pada masa perang dunia kedua, pengeluaran agregat biasa menjadi sukar dan ianya tidak dapat diperdagangkan. England telah menghasilkan, mengeluarkan dan menggunakan konkrit agregat ringan sebagai blok tidak tanggung beban. Hasil pengeluaran yang berterusan telah meningkatkan kualiti agregat ringan. Konkrit ringan telah ditingkatkan penggunaannya sebagai binaan dinding tanggung beban dua lapis. Maklumat ini telah disahkan oleh Stesen Penyelidikan Bangunan, United Kingdom. Perkembangan dan pembangunan penggunaan konkrit ringan dalam industri pembinaan yang semakin meningkat telah mewujudkan kumpulan-kumpulan penyelidik. Penyelidikan tentang penggunaan dan kualiti konkrit ringan telah meningkat menjadikan penyelidikan yang